# Yahudi di Dalam Sejarah

Di bawah ini ialah suatu rencana mengenai sejarah bangsa Yahudi yang mustahak diketahui oleh orang-orang kita. Disebut di sini ialah supaya orang-orang kita mengerti tentang siapa dan betapa orang-orang Yahudi itu, perbuatannya dan kelakuannya – P.

(Oleh: Penulis Mesir *al-Ustādh* Mahmud Luṭfi Abdul Karim di dalam *Minbar al-Islām*)

(Disalin oleh: Ibrahim Fahmi – Kedah)

Yahudi adalah satu bangsa yang tinggi dan mulia, dan suatu bangsa yang telah lama lahir di dunia ini, mereka itu berpunca daripada Nabi Allah Ya'qūb bin Isḥāq bin Ibrāhīm al-Khalīl *'alayhim al-ṣalātu wa al-salām.*

Perkataan Yahudi berasal dari perkataan (*hāda*) ertinya: kembali tunduk, taubat. Mūsā berkata (*Innā hudnā ilayk*) ertinya: Kami kembali tunduk dan taubat kepada Engkau.

Mereka juga dipanggil Ibrani atau 'Ibrī (Hebrew), kerana mereka itu menyeberangi sungai al-Furat (*'abara ya'buru* ertinya: menyeberang) di bawah pimpinan Ibrāhīm datuk Ya'qūb *'alayhimā al-salām*. Mereka itu sampai ke tepi-tepi Uden[1], di sanalah mereka diam menetap.

Juga mereka itu dipanggil Isrā'īliyyūn yang dinisbahkan kepada Isrā'īl, iaitu Ya'qūb. Allāh menamakannya di dalam sūrat (Isrā'īl). Di dalam mentafsirkan ayat "*Yā Banī Isrā'īla udhkurū ni'matiya allatī an'amtu 'alaykum*" Ibn 'Abbās menceritakan: Saya membawa ke depan Nabi *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* sekumpulan orang-orang Yahudi Nabi bertanya mereka itu:

"Tahukah kamu bahawa Isrā'īl itu Ya'qūb?"

"Ya" Jawab mereka itu.

Nabi berkata: "Ya Tuhan, saksikanlah!"

Adapun kalimah (*īl*) kepada mereka samalah ertinya dengan (*'abd* – ertinya:hamba), dan yang sebelumnya ialah salah satu daripada nama-nama Tuhan dan sifat-sifat-Nya. Di dalam bahasa *'ajam muḍāf* itu selamanyna di-*ta'khīr*-kan kerana itu maka kalimah (*īl*) yang berada di akhirnya itu ialah *muḍāf*.

Nama yang paling lama dan yang paling umum ialah: Ibrani, dan yang paling baharu dan paling khusus ialah: Yahūdī, dan yang paling mereka sukai ialah Isrā'īl.

Dengan memanggil mereka itu Yahūdī adalah dimaksudkan untuk merendah mereka, dan Isrā'īl pula adalah dimaksudkan untuk menghormati mereka.

[1] Perkataan sebenar ialah Aden.




***"Tidak ada perkauman dalam Islam" demikian cogan anggota-anggota PETIR yang menyertai perayaan Mawlid Nabawī (S.A.W) di Singapura. Benar! Tetapi perjuangan Islam adalah semata-mata untuk menegakkan kalimah Tuhan bukan untuk lain ideologi.***

---

Sebagaimana kata Dr. Hirsch pensyarah mereka bangsa Amerika di dalam satu ingatan yang diberikannya di Chicago tahun 1894: "Apabila orang hendak merendah atau menghinakan kami mereka panggilkan kami Yahūdī, apabila mereka hendak menutup diri menyentuh sentimen kami dan ingin menghormati kami mereka panggilkan kami Ibrani, tetapi kalau mereka ingin berkasih sayang dan mengambil hati kami; umpamanya dengan tujuan hendak mengumpul suara-suara kami menyebelahi ke dalam sesebuah parti di dalam pilihan raya umpamanya atau hendak mengambil manfaat dengan harta-harta kami buat sesuatu urusan, di waktu itu mereka memanggil kami "Isrā'īl".

Ibrāhīm *'alayhi al-salām* (datuk mereka yang tertua sekali) menggembara ke bumi Canaan di Palestin di dalam kurun yang ke-23 sebelum *mīlād*. Di sanalah Ibrāhīm beroleh Isma'īl dari isterinya Hājar dan Isḥāq dari isterinya Sārah, sedang Isḥāq pula akhirnya mendapat Ya'qūb, untuk Ya'qūb Allah kurniakan kepadanya dua belas orang anak, mereka itu – menurut tertibnya – ialah: Rūbīn, Sham'ūn, Lāwī, Yahudhā, dan Naftālī, Jād, Ashīr, Yasākhīr, Zubūlūn, Yūsuf dan Bunyāmīn.

Anak-anak Ya'qūb inilah yang dipanggil *Asbāṭ* dua belas (*Asbāṭ* berasal dari *sibṭ* ertinya: berturut-turut, ada orang mengatakan berasal dari *sabaṭ* – hidupkan

Bersambung ke muka 34.

Sambungan dari muka 8

huruf Bā’ – iaitu sejenis pokok yang banyak cabang-cabangnya, jadi ertinya: Oleh banyaknya mereka itu maka mereka seolah-olah mengambil tempat pokok itu).

Ya‘qūb (cucu Ibrāhīm al-Khalīl – P.)Mengembara ke negeri Harran, kepada pamannya Lābān. Ia tinggal di sana selama dua puluh tahun. Kemudian beliau diperintah pula pergi ke bumi ke Canaan. Di dalam perjalanannya itu ia melalui Urusalim[1] (Baitul Maqdis), di situ ia membeli ladang di mana didirikannya khemahnya. Kemudian beliau pun datang kepada bapanya Isḥāq yang berada di kampung Jirun[2] di bumi Canaan itu juga. Di sanalah ia diam bersama-sama dengan bapanya dan anak-anaknya.

Di kampung inilah berlakunya peristiwa yang diceritakan oleh al-Qur’ān antara Yūsuf dan saudara-saudaranya, sehingga Yūsuf akhirnya menetap tinggal di samping Iṭfīr, orang kuat negeri Mesir di mana ia menjadi menterinya. Di waktu itu raja yang memerintah Mesir ialah dari keturunan ‘Amālīq yang bernama al-Rayyān bin al-Walīd.

Al-Qur’ān menyentuh juga peristiwa yang berlaku di antara Yūsuf dengan isteri ‘Azīz, Yūsuf dijel, dan *ta‘bir* Yūsuf akan mimpi raja, sehinggalah akhirnya Yūsuf dipekerjakan oleh raja diperbendaharaan tanaman di dalam pemerintahan baginda. Di masa itu Yūsuf berumur 30 tahun.

Setelah Iṭfīr meninggal, Yūsuf pula dilantiklah menyandang jawatan itu. Inilah yang menjadi Yūsuf akhirnya dapat bersatu kembali dengan bapanya dan saudara-saudaranya. Demikianlah menurut cerita yang panjang lebar di dalam *al-Qur’ān al-Karīm*.

Ya‘qūb datang ke Mesir di dalam tujuh puluh kenderaan bersama-sama dengan anak-anaknya dan diam di sana. Setelah 17 tahun berada di Mesir Ya‘qūb pun wafat, tetapi Yūsuf membawa bapanya itu ke bumi Palestin, di sanalah dikuburkannya di samping dua orang datuknya Ibrāhīm dan Isḥāq.

Tatkala Yūsuf pula yang mangkat, ia dimasukkan ke dalam Tabut dan ditanam di Mesir. Tetapi sebelum ia meninggal diwasiatkannya supaya Tabutnya itu dibawa keluar dari Mesir di waktu Banī Isrā’īl keluar dari sana kelak. Untuk ditanamnya di bumi Palestin bersama-sama dengan bapa dan datuk-datuknya. Wasiatnya itu tetap tinggal terpelihara di sisi bangsa Israel sehinggalah Tabut itu dibawa keluar oleh Nabī Mūsā ketika Banī Isrā’īl keluar meninggalkan Mesir.

*Asbāṭ* dan anak cucu mereka tinggal di Mesir di bawah pemerintahan raja-raja Firaun yang silih berganti itu, sehingga keturunan mereka itu pun bercabang-cabang dan bertambah banyak, sehingga orang-orang Mesir telah mulai merasa bimbang dan syak terhadap mereka. Kerana itu mereka pun diperhambakanlah oleh orang-orang Mesir itu.

Kaum Banī Isrā’īl berada di Mesir semenjak kedatangan Ya‘qūb sampai mereka itu keluar bersama-sama dengan Mūsā adalah selama 210 tahun menurut riwayat Ibn Khaldūn, 400 tahun menurut riwayat lain yang diceritakan oleh pengarang Ensklopedia Kurun Dua Puluh (Muhammad Farid Wajdi – 1945-1878M.).

Maka di dalam jarak sejarah yang selama ini telah berlakulah bermacam-macam perkara – yang di sini bukanlah tempatnya untuk dipanjang lebarkan huraiannya – tetapi

[1] Merujuk kepada Jerusalem.
[2] Merujuk kepada Hebron.

bolehlah diringkaskan bahawa: Mereka itu pernah enggan memerangi kaum Jabbār, kerana itu Allah seksakan mereka di padang Tīh selama 40 tahun lamanya (disesatkan Allah mereka itu di sana – P.). Di dalam masa inilah juga wafatnya Mūsā dan Hārūn, kemudian bangunlah pula Nabi Yūsha' yang memerangi puak Jabbār itu bersama-sama dengan orang-orang Israel yang masih ada, sehingga mereka dapat merebut Baitul Maqdis.

Setelah Yūsha' wafat, tinggallah Banī Isrā'īl terdedah kepada serangan-serangan musuh selam 300 tahun. Sehingga jawatan kenabian disandang pula oleh Shamuwīl[3]. Maka mereka pun memintalah kepadanya agar beliau memohon kepada Allah supaya dibangkitkan kepada mereka seorang raja dari kalangan mereka juga, yang akan menyatu dan memimpin mereka; yang mana mereka akan berperang bersama-samanya menentang musuh-musuh mereka. Oleh Allah dipilihnya Shāwl[4] iaitu Ṭālūt dalam tahun 1092 sebelum *mīlād*. Beliau orang yang terbesar tubuh badannya di antara mereka dan sangat gagah berani. Diperanginya seteru-seteru mereka itu sampai kalah semuanya.

Setelah Ṭālūt meninggal dunia, maka urusan Banī Isrā'īl pun terserahlah pula kepada Dāwud yang membunuh Jālūt (di dalam peperangan dahulu itu – P.) Kejadian-kejadian ini semuanya ada disyaratkan Allah dengan firman-Nya yang ertinya:

"Tidakkah engkau ketahui satu kaum di antara Banī Isrā'īl sesudah matinya Mūsā, ketika itu mereka berkata kepada nabi mereka (Shamuwīl):

"Utuslah seorang raja kepada kami, supaya bolehlah kami berperang pada jalan Allah!"




***Perikatan Singapura tidak ketinggalan mengambil bahagian. Bendera-bendera kapal layar banyak dibahagi-bahagikan. Gambar di tengah-tengah berbaju Melayu kelabu ialah Dato' al-Sayyid Isa al-Munawir, di kirinya Dato' Abdul Hamid bin Haji Jumat dan di kanannya Tuan al-Sayyid Ali Redha Alsagoff.***

[3] Merujuk kepada Samuel.
[4] Merujuk kepada Saul.

Bersabda Nabi kita:

"Barangkali kamu tidak mau berperang, jika diperwajibkan ke atas kamu."

Jawab mereka itu "Mengapakah kami tidak mau berperang pada jalan Allah, sedang kami anak-anak kami diusir orang dari rumah kami?"

Maka apabila diperwajibkan berperang ke atas mereka, mereka pun berpaling, enggan mengikut, kecuali sedikit sahaja di antara mereka itu.

Allah mengetahui akan orang-orang yang zalim itu (246).

Nabi mereka berkata kepada mereka: "Sesungguhnya Allah telah mengutus Ṭālūt menjadi raja kamu."

Mereka itu pun berkata: "Bagaimanakah ia akan menjadi raja kami, padahal kami lebih berhak menjadi raja daripadanya dan dia tidak pula mempunyai harta kekayaan?"

Berkata Nabi itu: "Sesungguhnya Allah telah memilihnya kepada kamu, serta dikurniakan-Nya ilmu yang luas dan tubuh yang kuat, dan Allah memberikan kerajaan-Nya kepada siapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah itu amat luas kurnia-Nya, lagi sangat Mengetahui" – 247).

Dan berkatalah lagi Nabi mereka itu kepada mereka: "Bahawa tanda kerajaan-Nya itu ialah Ia boleh mengembalikan kepada kamu sebuah peti (Tabut) (Tabut, sebuah peti yang di dalamnya tersimpan kitab suci Tawrāt yang ditulis oleh Nabī Mūsā. Peti ini telah jatuh ke tangan orang-orang Palestin yang menjadi musuh Banī Isrā'īl). Yang membawa kesenangan hati. Daripada Tuhanmu, dan peninggalan yang ditinggalkan oleh keluarga Mūsā dan keluarga Hārūn sedang peti itu dibawa oleh malaikat, sesungguhnya yang demikian itu adalah menjadi tanda bagi kamu, jika kamu orang yang beriman"-(248).

Maka tatkala Ṭālūt bersama-sama dengan bala tenteranya, berkatalah ia:

"Bahawa Allah mencubai kamu dengan sebuah sungai, barang siapa yang meminum airnya maka bukanlah dia daripadaku, dan sesiapa yang tiada meminumnya; ialah daripadaku, kecuali mereka yang meminum sekadar ceduk tapak tangannya."

Maka mereka itu pun meminum air sungai itu, melainkan sedikit sahaja yang tidak meminumnya di antara mereka setelah Ṭālūt menyeberangi sungai itu bersama orang-orang yang beriman, berkatalah mereka itu:

"Tidaklah kami di hari ini berkuasa memerangi Jālūt serta bala tenteranya."

Berkatalah orang-orang yang yakin bahawa mereka akan menemui Allah:

"Berapa banyak kejadian kaum yang sedikit dapat mengalahkan kaum yang banyak dengan izin Allah. Dan Allah berserta dengan orang-orang yang sabar." – (249).

Tatkala mereka itu berhadapan dengan Jālūt serta tentera-tenteranya, mereka pun berdoa: "Ya Tuhan kami, tumpahkanlah kesabaran kepada kami, dan tetapkanlah tapak kaki kami dan tolonglah kami mengalahkan kaum yang kafir itu." – (250).

Lalu mereka itu pun dapat mengalahkan Jālūt serta bala tenteranya dengan izin Allah, dan Dāwud (salah seorang daripada tentera Ṭalūt) membunuh Jālūt.

Allah memberikan kepadanya (Dāwud) kerajaan dan ilmu pengetahuan serta diajarkannya apa-apa yang dikehendakinya. Jika tidaklah Allah menegahkan akan manusia setengah dengan setengah



***"Panas api neraka adalah lebih beratus-ratus kali panasnya daripada panas terik matahari dan kerana itu hendaklah saudara-saudara tahan panas", kata Tuan Haji Ya'acob Mohamed, Setiausaha Parlimen di dalam ucapan sambutan Mawlid Nabawī Sharīf.***

yang lain nescaya rosak binasalah bumi ini. Tetapi Allah mempunyai kurnia kepada semesta alam." (251 – sūrah al-Baqarah).

Setelah 40 tahun berada di bawah pemerintahan Dāwud, Banī Isrā'īl dijanjikan pula buat anaknya, Sulaymān. Setelah Dāwud wafat ia ditanam di Bait Lahmi[3]. Selepas itu tinggallah urusan Banī Isrā'īl berjalan dengan baiknya sehingga wafat Sulaymān *'alayhi al-salām*. Di waktu urusan Banī Isrā'īl terserah kepada anaknya – yang demikian lebih 900 tahun sebelum *al-Masīḥ* – terjadilah perpecahan dan kucar-kacir yang membawa kepada persembahan berhala. Tak lebih daripada lima tahun sesudah itu, Allah pun mengutus kepada mereka itu seorang raja dari Mesir yang menguasai mereka, memerintah Baitul Maqdis serta merampas perbendaharaan *Haykal*-nya.

Kemudian berpecah belahlah kaum Banī Isrā'īl di masa anak Sulaymān ini kepada dua golongan, masing-masing mendirikan kerajaannya yang tersendiri. Golongan yang pertama mendirikan kerajaan Yahūdhā (iaitu golongan yang berasal dari keturunan Yahūdhā dan Bunyāmīn) yang masih tetap tunduk kepada anak Sulaymān. Golongan yang kedua pula mendirikan kerajaan Isrā'īl (iaitu yang berasal *Asbāṭ* yang sepuluh lagi).

Peperangan di antara kedua golongan itu tetap menyala selama-lamanya, sehingga mengambil masa 250 tahun lamanya.

[3] Merujuk kepada Bethlehem di Palestin.

kemudian Allah menguasakan ke atas daulah Isrā’īl itu Raja Asyur, baginda menawan mereka itu ke Asyur, dan dengan ini hilang lenyaplah kerajaan ini. 20 tahun sesudah itu daulah kedua pula (iaitu daulah Yahūdhā) dikuasai oleh Maharaja Bakhat Nasar[4] dari Babel, baginda menawan banyak penduduk-penduduk negeri ini, kemudian diserangnya dua kali lagi, di mana baginda menawan dan membinasakan mereka itu sehingga lenyap pulalah kerajaan ini.

Penguasaan-penguasaan yang dilakukan oleh Raja Asyur dan Raja Babel ke atas orang-orang Yahudi itu, ada diceritakan Allah di dalam al-Qur’ān, yang ertinya:

“Kami wahyukan kepada Banī Isrā’īl di dalam kitab (Tawrāt):

Sesungguhnya kamu berbuat bencana dua kali di muka bumi ini, dan berlaku sombong yang amat besar. (4) Maka apabila sampai janji-Nya (seksa) yang pertama itu, Kami pun utuslah kepada kamu beberapa orang hamba Kami yang gagah berani, lalu mereka itu mundar-mandir di dalam negerimu, dan adalah janji itu pasti kejadian (5) sesudah itu Kami kembalikan kemenangan kepada kamu, dan Kami anugerahi kamu harta benda dan anak-anak, dan Kami jadikan kamu kaum yang banyak (6). Jika kamu berbuat baik, adalah kamu berbuat baik untuk dirimu sendiri, dan jika kamu berbuat jahat, maka balasannya untukmu juga. Maka apabila sampai janji yang kedua, nescaya mereka memburukkan muka kamu (memalukan?). Dan mereka masuk ke dalam masjid (Baitul Maqdis), sebagaimana dahulunya mereka pernah masuk, lalu mereka membinasakan kamu semuanya. (7 – sūrat al-Isrā’).

Dari semenjak itu mengembaralah mereka bercerai-berai ke merata bumi, firman Allah:

“*Wa qaṭa‘nāhum fi al-ardi umamā*” – Kami cerai-beraikan mereka itu di muka bumi menjadi beberapa umat.

Setengah-setengah ulama memahami ayat itu tidak menurut jalan yang sewajarnya, mereka berkata: “Bahawa ayat ini menunjukkan orang-orang Yahudi itu tak akan bernegara lagi sesudah perpecahan ini.” Ini, adalah fahaman yang tak berasas. Sebenarnya ayat yang mulia ini tidaklah menafikan kemungkinan mereka itu bernegara. Ayat ini hanya semata-mata menunjukkan perpecahan mereka itu di muka bumi ini sahaja.

Kita semua telah melihat sekarang sebuah kerajaan Israel telah tegak berdiri di bumi Palestin. Sebenarnya itu adalah penyempurnaan peazaban ke atas mereka, kerana Allah berfirman di dalam sūrat al-A‘rāf:

“*Wa idh ta’adhdhana rabbuka liyab‘athanna ‘alayhim ilā yawmi al-QiyāmaTI man yasūmuhum sū’a al-‘adhāb*”.

“Ingatlah ketika Tuhan engkau memberitahukan: Sesungguhnya Ia akan membangkitkan kepada mereka itu hingga Hari Kiamat orang yang menyeksa mereka dengan seksaan yang jahat.”

Allah *subḥānu wa Ta‘ālā* – oleh tersangat zalimnya orang-orang Yahudi di bumi ini – menghimpunkan mereka itu di suatu tempat untuk dimusnahkan mereka dengan sekaligus sahaja. Ini juga merupakan kebenaran bagi janji Tuhan yang ketika yang ketika di dalam firman-Nya:

[4] Merujuk kepada Raja Nebuchadnezzar II.

"*Wa in 'udtum 'udnā*"

"Jika kamu kembali berbuat kerosakan nescaya Kami kembali pula menyeksa kamu".

Ya, mereka telah pun kembali membuat fasad, dan Allah membuktikan kebenaran janji-Nya terhadap mereka itu.

Yang demikian bolehlah diperdalilkan dengan berdirinya kerajaan pungutan itu, menjadikan salah satu sebab (punca) bagi kebangkitan umat Arab sekali lagi di tangan pemimpin dan kepala pembangunnya juara agung "Gamal Abdel Nasser". Ini adalah merupakan suatu perisytiharaan akan lenyapnya orang-orang Yahudi itu – *in shā'a Allāh*.

"*Wa 'asā an takrahū shay'an wa huwa khayrun lakum, wa 'asā an tuḥibbū shay'an wa huwa sharrun lakum, wallāhu ya'lamu wa antum lā ta'lamun*".

"Dan boleh jadi sesuatu yang kamu benci itu adalah lebih baik bagimu, dan boleh jadi sesuatu yang kamu kasihi itu adalah buruk kepadamu, dan Allah itu Mengetahui sedang kamu tidak mengetahui".

Dan barangkali itu adalah suatu kemudaratan yang berguna....

—o0o—




***Jamiyah al-Da'wah al-Islāmiyyah ialah yang menjadi penganjur jawatankuasa Sambutan Mawlid Sharīf. Di sini kelihatan di tengah-tengah bersongkok berseluar hitam, Tuan Haji Wanjur bin Abu Bakar, Setiausaha Sambutan dan yang bersongkok putih ialah Tuan Haji Hussein al-Apici, Naib Yang Dipertua Sambutan Mawlid.***